

Malaysia negara Islam .

BH 18 JUN 2009

fundamentalis: Dr M

Oleh Magendran Rajagopal dan Mohd Anwar Patho Rohman

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, Malaysia adalah negara Islam fundamentalis kerana dasarnya mematuhi ajaran yang menjadi asas agama Islam.

Malah, ketika menemui pemimpin Barat dalam beberapa lawatan ke luar negara baru-baru ini, Perdana Menteri memberitahu mereka bahawa Malaysia bukan sebuah negara Islam sederhana, sebaliknya Islam fundamentalis.

"Bila saya katakan begitu, mereka terkejut kerana mereka menganggap bahawa fundamental adalah orang yang ganas dan membuat macam-macam perkara tidak baik. Bagi saya tidak.

"Kalau kita berpegang kepada fundamental Islam, kita tidak akan jadi buruk kerana Islam menyuruh kita berbaik-baik, bersaudara, bersatu padu, buat benda yang baik. Tidak salah kalau jadi Islam fundamentalis.

"Malah, saya pernah sebut perkara ini 15 tahun lalu dan dilaporkan oleh akhbar Amerika Syarikat bahawa Perdana Menteri

Malaysia adalah fundamentalis. Saya tak malu kerana dasar yang diterima adalah fundamentalis Islam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Pas-Marang) pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Abdul Hadi yang juga Timbalan Presiden Pas bertanya sama ada negara Islam lain memahami misi Dr Mahathir menemui Pope John Paul II di Vatican City baru-baru ini bagi menjelaskan mengenai pendirian Islam terhadap keganasan.

Sebelum itu, Perdana Menteri menjawab soalan asal Datuk Zulhasnan Rafique (BN-Wangsa Maju) mengenai hasil pertemuan dengan Presiden Amerika, George Bush dan usaha beliau memperbetulkan tanggapan salah dunia Barat terhadap Islam dan keganasan.

Dr Mahathir berkata, walaupun pemimpin Barat agak terkejut dengan penjelasannya mengenai ajaran sebenar Islam, mereka bersetuju malah berkata penggunaan kata funda-

mentalis itu tidak tepat dalam konteksnya.

Perdana Menteri berkata, beliau akan terus menjelaskan bahawa asas ajaran Islam adalah baik dan sesiapa yang mengikutnya akan menjadi baik dan berjaya.

"Inilah hasrat saya di Malaysia dan saya amat gembira kerana dapat membuat penjelasan kepada pemimpin bukan Islam yang tidak faham mengenai Islam.

"Alhamdulillah, selepas tragedi 11 September ramai daripada mereka berminat untuk mengetahui mengenai Islam dan amat penting sekali bagi kita jelaskan kepada mereka bahawa tidak ada salah dalam fundamentalis Islam.

"Jangan anggap mereka (orang Islam) yang baik ini Muslim *moderate*, sebenarnya orang baik adalah mereka yang berpegang kepada ajaran Islam sebenar (fundamentalis)," katanya.

Dr Mahathir berkata, keganasan tidak sepatutnya dikaitkan dengan Islam atau negara Islam kerana penganut agama lain turut terbabit dengan keganasan, tetapi keganasan me-

reka tidak dikaitkan dengan agama mereka.

Kepada soalan tambahan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong), Perdana Menteri menjelaskan, Malaysia selama ini menjadi sebuah negara Islam yang bukan hanya diperakui oleh negara luar, malah di contoh.

Oleh itu, katanya, tidak ada sebab bagi DAP berasa tertindas dengan sebarang kenyataan mengenai Malaysia sebagai sebuah negara Islam kerana selama ini perlembagaan negara (mengenai Islam) tidak pernah dipinda.

Mengenai cara penyelesaian masalah Palestin, Dr Mahathir berkata negara Barat perlu bersikap adil.

"Kita tidak kata mereka mesti memihak kepada Palestin, tidak. Kalau Israel buat benda yang jahat, kata jahat dan kalau orang Palestin buat jahat, kata dia jahat, tapi kita kena bagi timbang secara saksama.

"Kalau kita buat begitu dan kita hapuskan sebab sebab orang Islam mengganas, insya-Allah, kalau keganasan tidak dapat dihapuskan sekalipun, ia akan dapat dikurangkan. Kita perlu ingat bahawa ada

orang lain yang bukan Islam juga mengganas," katanya.

Beliau berkata, Malaysia telah menggesa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menghantar pasukan keselamatan antara-bangsa untuk meleraikan kedua-dua pihak, selain menyokong cadangan damai yang diketengahkan oleh Putera Abdullah dari Arab Saudi bagi menamatkan konflik di rantau itu.

"Malangnya kita dapati PBB, mereka punyai kaki yang dibuat daripada selut, tak ada pendirian. Bila nak hantar pasukan ke Jenin untuk melihat sama ada Israel mengganas atau tidak, Israel menentang. Kata kawan saya Kofi Anan, tak apa... dia tak bagi, kita tak pergi,

"Apa makna PBB. Kutip duit banyak, buat mesyuarat tiaptiap tahun, buat pidato berapi-api tapi ini tak boleh selesai. Ini jadi masalah, dia nampak besar tapi tak ada keupayaan, semuanya bergantung kepada kuasa besar. Tidak ada keadilan sekarang ini di dalam dunia. Yang ada adalah 'might is right', siapa yang kuat dia berkuasa," katanya.

Menjawab soalan asal

Zulhasnan, Dr Mahathir berkata, ketika melawat Amerika Syarikat antara 13 hingga 16 Mei lalu, beliau berusaha menjelaskan pendirian Malaysia bagi membetulkan salah tanggapan dunia barat terhadap Islam dan keganasan serta punca keganasan.

Beliau menjelaskan, keganasan di Palestin disebabkan orang Palestin dirampas untuk mendirikan Israel dan kerana Israel menduduki wilayah Palestin secara haram.

"Yang menentang orang Israel bukanlah orang Islam semata-mata, tetapi juga orang Arab Kristian. Namun demikian penindasan ke atas orang Palestin yang majoriti Islam menyebabkan orang Islam lain berasa marah. Mereka membalas dengan serangan berani mati kerana tidak ada jalan lain bagi mereka," katanya.